



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7264 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

21 Januari 2026

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia akan menganjurkan Persidangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen bersama Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Se-Malaysia Tahun 2026 pada 22 hingga 24 Januari 2026 bertempat di Hotel Tamu & Suites, Kuala Lumpur. Persidangan akan dirasmikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
2. Persidangan yang julung-julung kali diadakan ini adalah bertujuan untuk:
 - i. Meningkatkan imej PAC sebagai badan semak dan imbang (*check and balance*) kepada fungsi eksekutif di peringkat Persekutuan dan Negeri;
 - ii. Memahami kaedah sistem pelaksanaan PAC di DUN seluruh Malaysia;
 - iii. Menyediakan penanda aras bagi hal-hal berkaitan pelaksanaan prosiding/mesyuarat PAC yang seragam sama ada di Parlimen mahupun negeri;
 - iv. Memantapkan lagi tadbir urus dalam pelaksanaan prosiding/mesyuarat serta pelaporan PAC melalui perkongsian idea-idea baharu dalam kalangan peserta persidangan;
 - v. Memahami cabaran masa depan untuk menentukan strategi pelaksanaan PAC di parlimen dan negeri; dan
 - vi. Mewujudkan jaringan perhubungan dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam hal-ehwal PAC daripada DUN seluruh Malaysia atau di pelbagai agensi.
3. Persidangan ini akan dihadiri oleh semua ahli Jawatankuasa Kira-Kira Parlimen dan Kerajaan Negeri dari seluruh negara, melibatkan 13 buah negeri, bersama Setiausaha Dewan Negeri masing-masing.

Penyertaan persidangan dijangka seramai 140 orang termasuk *ex-officio* Parlimen Malaysia dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri.

4. Penyertaan menyeluruh ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh tadbir urus kewangan awam secara kolektif di semua peringkat.
5. Antara pengisian utama persidangan termasuk:
 - i. Perbincangan mengenai cabaran dan hala tuju PAC Negeri;
 - ii. Sesi dialog bertemakan pemeraksanaan akauntabiliti awam bersama panel yang mempunyai kepakaran dalam bidang audit, tadbir urus dan pencegahan jenayah kewangan; dan
 - iii. Sesi rumusan dan penutup yang akan merangkumi resolusi persidangan serta penetapan hos PAC Se-Malaysia bagi tahun 2028.
6. Sehubungan itu, PAC menjangkakan persidangan ini akan:
 - i. Menghasilkan resolusi dan cadangan yang bersifat praktikal;
 - ii. Menyelaraskan pendekatan pemantauan kewangan antara Persekutuan dan Negeri; dan
 - iii. Memperkukuh keberkesanan peranan PAC di semua peringkat pentadbiran.
7. PAC berharap agar persidangan ini dapat berlangsung dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Segala resolusi yang bakal dipersetujui akan dijadikan panduan kepada tindakan susulan PAC pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen